

Tarikh Dibaca: 15 Januari 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“BELIA BERIMAN PEWARIS MASA
DEPAN NEGARA”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2015-2017**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



"BELIA BERIMAN PEWARIS MASA DEPAN NEGARA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ
فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾ وَرَبَطْنَا عَلَى
قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
لَنْ نَدْعُوا مِنْ دُونِهِ ءِالِهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذَا شَطَطًا ﴿١٤﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan usaha ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, di samping kita berusaha mempertingkatkan pembangunan dan pendidikan anak-anak dan ahli keluarga agar menyempurnakan kewajipan masing-masing. Mudah-mudahan kita memperolehi keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah hari ini yang bertajuk **"BELIA BERIMAN PEWARIS MASA DEPAN NEGARA"**.

Hadirin Jumaat sekalian,

Sejak akhir-akhir ini kita sering dihidangkan dengan berita-berita yang negatif tentang generasi muda. Kes-kes salah laku jenayah sivil, jenayah syariah, masalah disiplin dan adab sering dikaitkan dengan mereka. Hal ini tentunya sangat mengundang rasa runsing dan gusar di kalangan ibubapa hari ini.

Generasi muda hari ini adalah cerminan wajah negara akan datang. Menurut Profesor. Dr. Yusof Al Qaradhawi, seorang sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani masa kini, katanya ;

"Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur 'baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur' tetapi jika keadaan adalah



sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku”.

Seorang pemikir dan penyair terkenal Mesir, Syeikh Ahmad Syauki pernah bermadah:

وَإِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ
فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

“Sesungguhnya sesuatu bangsa itu kuat dan hebat kerana akhlaknya, jika rosak akhlak mereka maka bangsa itu akan lenyap dan hilang”.

Sidang Jumat sekalian,

Dalam usaha kita mencari manhaj (acuan) sendiri untuk membina dan membangun generasi muda hari ini, ia menuntut perhatian yang besar dan bersungguh-sungguh dari semua pihak sama ada dari kerajaan mau pun rakyat. Namun begitu janganlah usaha itu hanya ala kadar sahaja seperti melepaskan batuk ditangga atau berbentuk tindakan secara bermusim.

Sesungguhnya, peranan dan tanggung jawab belia pada hari ini adalah sangat penting dan utama untuk menjana pembangunan negara bangsa dan cita-cita agama. Peranan belia hari ini bukan sekadar membina kerjaya atau melakukan aktiviti-aktiviti untuk memenuhi masa lapang dan hobi sahaja tetapi warga belia sepatutnya turut sama menyumbang idea, masa dan tenaga ke arah pembangunan modal insan menjadi sebuah bangsa yang dihormati dan disegani dipersada dunia.



Orang muda Islam hari ini sepatutnya bukan lagi hanya menjadi penonton atau pemain simpanan sahaja tetapi haruslah bersiap siaga untuk menjadi pemain utama dalam memacu umat untuk memimpin tamadun dunia dan menjadi umat contoh, terutamanya ketika imej agama Islam digambarkan dalam keadaan yang buruk. Gambaran suram wajah Islam hari ini semestinya diperbetulkan melalui kekuatan ilmu, iman, akhlak, kekuatan peribadi, intelek, ekonomi, pemikiran, kebudayaan generasi muda pada hari ini.

Sidang hadirin sekalian,

Peranan generasi muda sememangnya terserlah dalam sejarah manusia itu sendiri. Golongan mudalah yang menjadi pelopor kepada suatu kebangkitan dan menjadi penggerak kepada arus perdana perubahan masyarakat. Dalam sejarah perkembangan Islam, sejak ia bermula bertapak di Mekah sehingga berkembang ke Madinah, golongan mudalah yang banyak memainkan peranan utama seperti sahabat Rasulullah SAW yang setia berjuang dan berjihad menegakkan kalimah Allah dimuka bumi ini.

Lihatlah nama-nama besar seperti Saidina Ali, Saidina Osman, Abdul Rahman bin Auf, Ibnu Zubair, Ibnu Abbas dan ramai lagi sahabat-sahabat yang menjadi pendokong utama dan jentera penggerak pembinaan ketamadunan Islam. Sejarah juga pernah menyaksikan ketangkasan Usamah bin Zaid yang walaupun masih berusia 18 tahun tetapi mampu memimpin satu bala tentera untuk menyerang kerajaan Rom dan begitu juga kehebatan Muhammad Al Fateh telah membuka Kota Istanbul (Konstantinople) ketika usianya masih 21 tahun.



Begitu juga kisah **أَصْحَابُ الْأَخْدُودِ**, seorang kanak-kanak yang mempertahankan akidahnya dengan menolak paksaan ahli sihir raja, supaya mengakui bahawa raja adalah tuhan, telah dilakukan beberapa kali percubaan untuk membunuhnya dengan menolaknya dari bukit yang tinggi dan melemparkannya ke laut, semuanya tidak Berjaya, sehinggalah kanak-kanak itu sendiri mencadangkan supaya dipanggil pemanah yang mahir dengan syarat melafazkan **بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِ**, dengan nama Allah tuhan kanak-kanak itu pada ketika melepaskan anak panahnya barulah ia menemui ajalnya. Tiba-tiba orang yang berkumpul menyaksikan peristiwa tersebut ramai-ramai melaungkan "Kami beriman dengan tuhan kanak-kanak itu".

Seorang lagi pemuda yang berjasa dalam sejarah ialah Mus'ab Bin Umair. Beliau asalnya bangsawan Arab, berkedudukan tinggi, hartawan dan menjadi jejak pujaan gadis Arab. Tetapi dilarang keras mendekati Nabi Muhammad SAW dan dilarang berjalan yang boleh bertembung dengan Nabi Muhammad SAW. Larangan itu menambahkan rindu Mus'ab untuk mengenali nabi, Allah mentakdirkan Mus'ab bertembung dengan Nabi di perjalanan, lalu terpikat dan masuk Islam, dengan sebab itu Mus'ab terus disingkir oleh keluarga, harta kekayaannya ditahan, pangkat dan kedudukannya ditarik. Rasulullah SAW mentarbiahnya, kemudian diutus ke Madinah sebelum Hijrah untuk mengislamkan penduduk Madinah. Di Madinah Mus'ab membentuk perancangan supaya orang-orang Islam membuat persiapan menyambut penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah, sehinggalah Rasulullah SAW berjaya mendirikan sebuah Negara Islam di Madinah.



Sidang Jumaat sekalian,

Peranan golongan muda yang beriman telah dirakamkan dalam Al-Quran tentang kisah pemuda-pemuda kahfi yang mempertahankan akidah mereka daripada seorang raja yang zalim.

Firman Allah SWT dalam surah al Kahfi ayat 13–14 yang bermaksud;

"Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk. Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian), semasa mereka bangun (menegaskan tauhid) lalu berkata: "Tuhan Kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi; Kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain dari padanya; jika Kami menyembah yang lainnya bermakna Kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran".

Ringkasnya, peranan utama warga muda muslim hari ini ialah;

1. Menjadi hamba Allah yang bertaqwa di atas muka bumi ini.
2. Bertanggungjawab membina dan membangun diri dari segi intelektual, rohani, jasmani dan emosi.
3. Menjadi penyeru kepada kebaikan iaitu menjadikan gaya hidup sihat yang berteraskan Islam sebagai satu cara hidup.
4. Mencegah dan menghalang kemungkaran daripada berleluasanya perilaku dan amalan yang bertentangan dengan syariat Islam.



5. Menjadi pencetus , penggerak dan pembina tamadun Islam yang unggul, dihormati dan disegani masyarakat dunia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam arus kemodenan dan kemajuan dunia global tanpa sempadan hari ini, banyak berlaku kebanjiran dan limpahan budaya negatif dan rosak yang melanda negara di seluruh dunia. Warga muda hari ini bukan sahaja terdedah kepada masalah penyalahgunaan dadah yang semakin meruncing, tetapi mereka juga semakin diresapi budaya hedonisme yang suka berfoya-foya dan berhibur secara keterlaluan, terjebak dalam perzinaan dan amalan seks bebas, ketagihan dadah dan rokok, judi, arak, bahan porno (lucah) dan banyak lagi penyakit sosial yang cukup membimbangkan kita.

Mana mungkin generasi muda yang mengamalkan gaya hidup sebegini mampu untuk memikul amanah sebagai pemimpin yang mengurus dan mentadbir serta menjamin kedaulatan Negara dan kesucian agama Islam? Tentunya kekusaran ini turut dirasai dan dikongsi oleh semua generasi pewaris hari ini. Justeru, marilah kita sama-sama berganding bahu, bekerjasama dan bertanggungjawab membina anak bangsa kita dengan acuan dan cara hidup sihat yang berteraskan ajaran Islam yang suci ini.

Firman Allah SWT dalam surah at-Tahrim ayat 6:



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا
النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ
اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

Menyedari bahawa jumlah warga muda yang begitu besar dan strategik ini harus digembleng keupayaannya, kemahirannya dan kepakarannya untuk membangun ummah, marilah sama-sama kita menyumbang bakti dan peranan dalam masyarakat sebagai penggerak dan pemimpin yang bangkit dari perbaringan dan lena yang panjang. Sedarlah kita bahawa dihadapan terbentang banyak cabaran dan tugas yang sedia menunggu untuk diselesaikan. Ingatlah bahawa tanggungjawab dan tugas lebih banyak dari masa yang ada.

Firman Allah SWT dalam surah ar-Rum ayat 43-44:



فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ الْقَيِّمِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا
مَرَدَّ لَهُ مِنَ اللَّهِ يَوْمَئِذٍ يُصَدِّعُونَ ﴿٤٣﴾ مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ
كُفْرُهُ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِأَنْفُسِهِمْ يَمْهَدُونَ ﴿٤٤﴾

"(Jika demikian keadaannya) maka hadapkanlah dirimu (Wahai Muhammad) ke arah agama yang betul, sebelum datangnya dari Allah: hari yang tak dapat ditolak; pada hari itu manusia akan berpecah (kepada dua golongan). Sesiapa yang kufur ingkar maka dia lah sahaja yang menanggung bencana kekufurannya itu, dan sesiapa yang beramal soleh (yang membuktikan imannya), maka merekalah orang-orang yang membuat persiapan untuk kesenangan diri mereka masing-masing".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah sama-sama kita ambil pengajaran dan perhatian bahawa;

1. Belia Islam hendaklah meningkatkan iman, akhlak dan peribadi mulia kerana ianya merupakan asset penting dan penyelamat kepada sesebuah Negara.
2. Ibulbapa dan pemimpin masyarakat hendaklah berusaha meningkatkan imej dan keperibadian para belia dengan menyediakan pendidikan dan bimbingan yang sempurna sepertimana yang dikehendaki oleh Allah SWT.
3. Belia Islam hendaklah menjauhkan diri daripada aktiviti-aktiviti yang kurang sihat seperti budaya berhibur, berfoya-foya, pergaulan bebas,



ajaran sesat dan gerakan ekstrim yang boleh menghancurkan aset belia masa depan.

4. Belia hari ini hendaklah mendekati diri dengan institusi-institusi Islam seperti masjid dan surau serta berusaha melibatkan diri dalam mengimararkannya.

5. Masyarakat perlu mendekati belia dengan membimbing dan menaruh kepercayaan kepada belia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang positif untuk membangunkan agama dan masyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِذْ أَوْى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِنْ
لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

"(ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami! kurniakanlah kami rahmat dari sisimu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami".

(Surah al-Kahfi : 10).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman atau perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.



Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ



اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوا عَلَيَّ
نَعْمَةً يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.